

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Sukan
Sent: Thursday, November 1, 2018 10:03 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohamad Zaki bin Ahmad
Subject: Pasukan Bola Tampar Lelaki UUM Naib Johan Kejohanan Bola Tampar Anjuran Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kedah



1 NOVEMBER 2018 / 23 SAFAR 1439H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PASUKAN BOLA TAMPAR LELAKI UUM NAIB JOHAN KEJOHANAN BOLA TAMPAR ANJURAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) KEDAH



PSUKAN ONLINE : Pasukan Bola Tampar Lelaki UUM muncul Naib Johan di Kejohanan Bola Tampar anjuran Universiti Teknogi Mara (UiTM) Kedah pada 26 hingga 27 Oktober 2018 di UiTM Kedah.

Pasukan UUM ternyata cemerlang apabila menjadi johan kumpulan C apabila menewaskan pasukan Uitm Negeri Sembilan dan Lengai VB Club. Peringkat suku akhir, pasukan UUM menewaskan pasukan Uitm Melaka dan terus mara ke peringkat separuh akhir dengan menewaskan pasukan UiTM Negeri Sembilan sekali lagi.

Pada perlawanan akhir pasukan UUM terpaksa akur apabila tewas tipis 1-2 kepada Semarak VC dalam perlawanan yang begitu sengit. Pasukan UUM telah membawa pulang hadiah berupa wang tunai dan medal dalam kejohanan tersebut.

Menurut Jurulatih UUM, Mohd Azri Md Nadzir, walaupun hanya muncul Naib Johan, beliau sangat berpuas hati dengan prestasi yang ditunjukkan kerana atlet yang menyertai kejohanan kali ini adalah merupakan atlet junior dan mereka telah menunjukkan kemahiran serta disiplin yang tinggi dalam kejohanan.

Tambahnya lagi, pasukan Bola Tampar mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Pusat Sukan kerana memberi peluang dan ruang kepada pasukan Bola Tampar untuk menyertai kejohanan kali ini dan berharap agar sokongan berterusan diberikan kepada pasukan Bola Tampar bagi menyertai sebarang kejohanan kelak.

=====

DARIPADA :
PUSAT SUKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283560/3561
FAX : 04-9283552
EMAIL : pusur@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.